

THINK CITY WELCOMES BUDGET 2026 AS A COMMITMENT TO BUILDING A MORE LIVEABLE, INCLUSIVE AND SUSTAINABLE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 October 2025 – Think City welcomes the announcement of Budget 2026, tabled by YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Prime Minister and Minister of Finance, which reinforces Malaysia's long-term commitment to shaping cities that are sustainable, liveable and inclusive as a foundation for national progress and shared prosperity.

"Budget 2026 reflects the country's determination to build a nation that is not only economically strong, but socially and environmentally resilient," said Dato' Hamdan Abdul Majeed, Managing Director of Think City. "It reinforces that city-making is a collective endeavour, one that connects policy, investment and community action to improve quality of life for all Malaysians."

The positive momentum behind the Warisan KL initiative exemplifies how urban regeneration can restore vitality, identity and confidence in the capital. The preservation and adaptive reuse of landmarks such as Carcosa Seri Negara, Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur Railway Station and Kompleks Dayabumi reflect a shared commitment to revitalising Kuala Lumpur's historic core - not just as a cultural and economic hub, but as a symbol of national unity. It demonstrates how culture, heritage and place-based planning become powerful tools to stimulate enterprise, attract investment, nurture civic pride and social connection across communities.

Cultural and creative industries continue to be key enablers of inclusive urban growth. The Budget's investment in UNESCO heritage sites such as Lenggong Valley, Gunung Mulu and FRIM Forest Park, along with incentives for creative economy, bolster Malaysia's national identity and strengthen its position as a regional hub for culture and innovation.

Budget 2026's focus on improving public housing, community facilities and local infrastructure marks a meaningful shift toward people-centred development. Upgrading PPR infrastructure, maintaining strata housing and improving community facilities are vital steps toward reducing social and spatial inequality. Sustained community engagement will be critical to ensuring lasting impact.

Strategic investments in public transport, Transit Oriented Development (TOD) and Demand Responsive Transit (DRT) reinforce the central role of connectivity in urban life. Enhanced mobility systems expand access to jobs, education and healthcare while supporting Malaysia's transition toward compact, low-carbon cities. Complementing these efforts, the Budget's investments in flood mitigation, slope safety and nature-based infrastructure affirm that environmental stability is essential to economic resilience.

"Budget 2026 moves the focus from growth for its own sake to growth that fosters quality of life. It recognises that social wellbeing, economic opportunity and environmental resilience are interconnected. Success will depend on implementation, monitoring and collaboration across all sectors – government, private enterprise and communities alike," added Hamdan Abdul Majeed.

Guided by the leadership of Think City's Board of Directors and working in strategic partnership with Khazanah Nasional Berhad and Yayasan Hasanah, Think City continues to advance this mission by fostering collaboration, innovation and evidence-based urban solutions that strengthen Malaysia's capacity for sustainable city-making – in pursuit of a MADANI society that is compassionate, cohesive and future-ready.

- END -

About Think City

Think City is an impact organisation established in 2009 to create more sustainable and equitable places for the benefit of all. Our knowledge, skills and strategies focus on urban solutions, the environment, social communities, and the cultural economy. Think City is a wholly owned subsidiary of Khazanah Nasional (the sovereign wealth fund of the Government of Malaysia). For more information, log on to thinkcity.com.my

For media inquiries, please contact:

Tan Sian Hoo
+60126190044
tan.sianhoo@thinkcity.com.my

Raudhah Ibrahim
+60164577117
raudhah.ibrahim@thinkcity.com.my

THINK CITY MENYAMBUT BELANJAWAN 2026 SEBAGAI KOMITMEN UNTUK MEMBINA MALAYSIA YANG LEBIH BERDAYA HUNI, INKLUSIF, DAN LESTARI

KUALA LUMPUR, 13 Oktober 2025 – Think City menyambut baik pembentangan Belanjawan 2026 oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, yang mengukuhkan komitmen jangka panjang Malaysia untuk membentuk bandar yang lestari, berdaya huni, dan inklusif sebagai asas kemajuan negara dan kesejahteraan bersama.

"Belanjawan 2026 mencerminkan tekad negara untuk membina Malaysia yang bukan sahaja kukuh dari segi ekonomi, tetapi juga berdaya tahan dari segi sosial dan alam sekitar," kata Dato' Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City. "Ia menegaskan bahawa pembentukan bandar ialah usaha bersama yang menghubungkan dasar, pelaburan dan tindakan masyarakat bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia."

Momentum positif di sebalik inisiatif Warisan KL menggambarkan bagaimana usaha pemulihian bandar dapat mengembalikan daya hidup, memperkuuh identiti, dan menyemai semula keyakinan terhadap ibu negara. Pemuliharaan dan penggunaan semula mercu tanda seperti Carcosa Seri Negara, Bangunan Sultan Abdul Samad, Stesen Keretapi Kuala Lumpur serta Kompleks Dayabumi mencerminkan semangat kebersamaan dalam menghidupkan semula teras bersejarah Kuala Lumpur – bukan sekadar sebagai pusat budaya dan ekonomi, tetapi juga sebagai lambang perpaduan nasional. Inisiatif ini menunjukkan bagaimana budaya, warisan, dan perancangan berasaskan tempat dapat berperanan sebagai pemangkin perusahaan, daya tarikan pelaburan, serta wadah yang memupuk rasa bangga dan jalinan sosial dalam komuniti bandar.

Sektor budaya dan kreatif pula terus memainkan peranan penting dalam menghidupkan ekonomi bandar. Pelaburan Belanjawan dalam tapak warisan dunia UNESCO seperti Lembah Lenggong, Gunung Mulu, dan Taman Hutan FRIM, di samping galakan insentif kepada industri kreatif, menegaskan komitmen untuk memartabatkan identiti nasional dan memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai hab kebudayaan dan inovasi rantau ini.

Tumpuan Belanjawan 2026 terhadap perumahan awam, kemudahan komuniti dan infrastruktur tempatan menandakan anjakan penting ke arah pembangunan berpusatkan rakyat. Usaha menaik taraf kemudahan PPR, penyelenggaraan perumahan strata serta penambahbaikan infrastruktur komuniti merupakan langkah asas bagi mengurangkan jurang sosial dan spatial yang wujud antara masyarakat bandar. Penglibatan berterusan masyarakat akan menjadi kunci kepada keberhasilan jangka panjang.

Dalam masa yang sama, pelaburan strategik dalam pengangkutan awam, pembangunan berorientasikan transit (TOD), dan transit responsif permintaan (DRT) memperkuuh peranan keterhubungan dalam kehidupan bandar. Akses mobiliti yang dipertingkat dapat membuka peluang kepada pekerjaan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan, sekali gus menyokong peralihan Malaysia ke arah bandar padat rendah karbon. Belanjawan turut memperkuuh aspek daya tahan bandar melalui pelaburan mitigasi banjir, keselamatan cerun, dan infrastruktur berasaskan alam semula jadi yang mengiktiraf bahawa kestabilan alam sekitar adalah asas kepada ekonomi berdaya tahan.

"Belanjawan 2026 mengalihkan tumpuan daripada pertumbuhan semata-mata kepada pertumbuhan yang menambah mutu kehidupan rakyat. Ia mengiktiraf kesalinghubungan antara kesejahteraan sosial, peluang ekonomi, dan daya tahan alam sekitar. Kejayaan bergantung kepada pelaksanaan yang berkesan,

pemantauan berterusan, dan kerjasama merentasi sektor – kerajaan, swasta, serta masyarakat awam,” tambah Hamdan Abdul Majeed.

Dipacu oleh kepimpinan Lembaga Pengarah , dan melalui kerjasama strategik dengan Khazanah Nasional Berhad dan Yayasan Hasanah, Think City meneruskan usaha memperkuuh budaya kerjasama, memperluas ruang inovasi, dan mempertingkat penyelesaian bandar berasaskan bukti bagi membina keupayaan negara melahirkan bandar yang lestari, selaras hasrat Malaysia MADANI yang berteraskan ihsan, perpaduan, dan kesiapsiagaan masa hadapan.

- TAMAT -

Mengenai Think City

Think City adalah organisasi impak ditubuhkan pada 2009 untuk membina tempat yang lestari dan saksama untuk manfaat semua. Ilmu, kemahiran dan strategi kami bertumpukan dalam penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi seni budaya. Think City adalah sebuah subsidiari milik penuh Khazanah Nasional (dana kekayaan Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Tan Sian Hoo

+60126190044

tan.sianhoo@thinkcity.com.my

Raudhah Ibrahim

+60164577117

raudhah.ibrahim@thinkcity.com.my